



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047
Tarikh : 15 Mei 2018

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BILANGAN 24 TAHUN 2018

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2017
KEMUDAHAN CUTI BERSALIN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan Mesyuarat Lembaga ke-115 telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2017 – Kemudahan Cuti Bersalin Pegawai Perkhidmatan Awam **berkuatkuasa pada 1 Januari 2018**.

3. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 seseorang pegawai yang bersalin layak mendapat cuti bersalin bergaji penuh sebanyak 300 hari sepanjang tempoh perkhidmatannya. Pegawai juga diberi fleksibiliti dalam menentukan sendiri tempoh cuti bersalin antara 60 hingga 90 hari setiap kelahiran.

4. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2017 dikeluarkan bertujuan untuk menambahbaik kebajikan penjawat awam wanita dari kemudahan yang diterima sekarang. Perkara ni mengambil kira faktor kebajikan penjawat awam wanita dengan kelayakan dan peraturan cuti bersalin yang ditetapkan seperti berikut :

- i. Kadar kelayakan cuti bersalin bergaji penuh daripada **300 hari kepada 360 hari** sepanjang tempoh perkhidmatan seseorang pegawai;
- ii. Tempoh maksimum cuti bersalin setiap kelahiran adalah 90 hari. Walau bagaimanapun, pegawai diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh cuti bersalin antara 60 hari hingga 90 hari bagi setiap kelahiran; dan
- iii. Cuti bersalin bermula pada tarikh pegawai bersalin. Pegawai juga boleh memilih untuk menggunakan cuti bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin.

5. Pegawai (kecuali guru) yang mempunyai baki cuti bersalin bergaji penuh kurang daripada 60 hari, dikehendaki mengambil cuti bersalin di antara 60 hingga 90 hari degnan menggunakan kemudahan seperti berikut:

- i. menggunakan semua baki Cuti Bersalin Bergaji Penuh; dan
- ii. jika masih tidak mencukupi, Cuti Rehat digunakan; dan
- iii. jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin Tanpa Gaji digunakan

6. Bagi pegawai (kecuali guru), yang telah menggunakan kelayakan maksimum 360 hari kemudahan Cuti Bersalin, pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan seperti berikut:

- i. Menggunakan Cuti Rehat mulai dari tarikh bersalin; dan
- ii. Jika tidak mencukupi, Cuti Bersalin Tanpa Gaji digunakan.

7. Cuti Bersalin Tanpa Gaji tidak akan menjejaskan kelayakan pegawai menggunakan Cuti Tanpa Gaji di bawah Perintah Am 14 dan 52 Bab C Tahun 1974.

8. Tempoh Cuti Bersalin adalah termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am cuti penggal. Walaupun begitu, pengiraan Cuti Rehat dalam tempoh Cuti Bersalin adalah **tidak termasuk** hari rehat mingguan, kelepasan mingguan dan kelepasan am.

9. Bagi Pegawai Lantikan Kontrak (*Contract of Service*), mereka layak sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan 4, 5 dan 6 di atas. Walau bagaimanapun, mereka tidak layak mengambil Cuti Menjaga Anak bagi menggantikan kelayakan Cuti Bersalin. Cuti Bersalin Tanpa Gaji yang diambil tidak menjejaskan kemudahan Cuti Tanpa Gaji Untuk Mengerjakan Haji sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 4, perkara 3, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 2016 dan peraturan lain yang berkuat kuasa. Kemudahan Cuti Bersalin Tanpa Gaji ini juga tidak menyebabkan tempoh kontrak yang berkuat kuasa terputus.

10. Cuti Sakit tidak boleh digunakan bagi maksud menggantikan Cuti Bersalin kecuali Cuti Tibi, Kusta, Barah atau tempoh pegawai dimasukkan ke wad hospital kerana sakit bukan atas sebab bersalin.

11. Bagi pegawai yang melahirkan anak selepas 22 minggu mengandung, sama ada bayi itu hidup atau meninggal dunia, layak diberi Cuti Bersalin memandangkan tubuh pegawai telah mengalami perubahan fizikal yang memerlukan Cuti Bersalin bagi tujuan pemulihan.

12. Tempoh perkhidmatan dengan Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan bagi seseorang pegawai yang diberi pelepasan untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam Persekutuan hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

13. Tempoh perkhidmatan termasuk semasa pelantikan secara sementara atau pelantikan secara kontrak (COS) hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

14. Pelaksanaan kemudahan Cuti Bersalin adalah seperti berikut:

- a. Pegawai perlu kemukakan dokumen sokongan daripada hospital/klinik kerajaan atau swasta yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin untuk Ketua Jabatan meluluskan permohonan Cuti Bersalin;
- b. **Pegawai tidak boleh meminda Cuti Bersalin** yang telah diluluskan oleh Ketua Jabatan; dan
- c. Ketua Jabatan hendaklah memastikan bilangan hari dan tempoh Cuti Bersalin yang diluluskan direkodkan di dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

15. Pegawai yang sedang dalam tempoh Cuti Bersalin seperti di peruntukan PP14/2014 yang melepasi tarikh 1 Januari 2018, boleh menggunakan kadar tambahan baharu mulai 1 Januari 2018.

16. Dengan menerimapakai pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 adalah terbatal.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”


(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k: Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian